

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SEU 412 - Teori Ekonomi Lanjutan


Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.


Jawab **SEMUA** bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan **DUA** (2) soalan dalam Bahagian B. Jawapan soalan 1 hendaklah dituliskan di dalam ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Gunakan buku jawapan untuk menjawab Bahagian B.

Bahagian A ( 60 Markah)

- [a] Di dalam rajah 1(a) keluk HH menunjukkan keluk permintaan terpampas Hicks dan MM mengambarkan keluk permintaan biasa. Luas kawasan berlorek  $ACP_1P_0$  adalah variasi berimbangan akibat perubahan harga barang X. Dalam Rajah 1(b), titik A' yang merupakan keseimbangan asal pengguna, adalah selaras dengan titik A dalam Rajah 1(a). Tunjukkan kesan penggantian dan kesan pendapatan akibat perubahan harga barang X dalam Rajah 1(b).



Rajah 1(a)



Rajah 1(b)

( 5 Markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- [b] Kita mengetahui bahawa dalam persaingan yang hebat di antara VHS dan Betamax di dalam pasaran perakam kaset video, VHS telah menang pada akhirnya kerana kesan turut ramai. Sekarang satu format video baru telah diperkenalkan iaitu format 8mm. yang kerap digunakan dengan kamera video 'Camcorders'. Tujuan utama kamera video 'Camcorders' itu ialah untuk merakamkan peristiwa peribadi seseorang misalnya semasa dalam kunjungan ke sesuatu tempat bersejarah. Mungkinkah format video baru itu akan menguasai pasaran kaset video pada masa depan?

( 4 Markah)

- [c] Katakan satu sistem pencatuan dilaksanakan terhadap pembelian rokok oleh askar, dengan syarat kupon catuan tidak boleh dipindahkan. Adakah sistem itu lebih baik berbanding dengan sistem yang membenarkan kebolehpindahan kupon?

( 4 Markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- [d] Majlis Perbandaran Petaling Jaya bercadang untuk membina 30 kolam renang awam pada tahun depan. Dengan menggunakan konsep pencatuan melalui penggiliran, keanjalan perdapatan dan harga, bincangkan sama ada cadangan itu akan memberi manfaat kepada golongan miskin atau tidak.

( 4 Markah)

- [e] Katakan fungsi utiliti Kian Wah adalah  $U(I) = I^{0.5}$  dimana  $I$  adalah paras pendapatan.

- [i] Adakah Kian Wah seorang pengambil risiko, pengelak risiko atau pengecuali risiko?

...4/-


Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[iii] Kian Wah akan berpendapatan 40,000 ringgit pada tahun depan dengan kepastian. Beliau ditawarkan satu jawatan baru di mana pendapatannya bergantung kepada keuntungan firma. Beliau mungkin berpendapatan \$60,000 dengan kebarangkalian 0.5 atau \$20,000 dengan kebarangkalian 0.5. Haruskah beliau menerima tawaran itu?

( 5 Markah)

[f] Di dalam rajah (2), titik A menunjukkan keseimbangan seorang pelabur. Portfolionya mengandungi dua jenis aset: bil perbendaharaan yang tiada risiko dan saham-saham yang mempunyai risiko  $\sigma_m$ . Lukiskan keluk paras sama bagi pelabur B yang tidak mahu mengambil risiko langsung dan bagi pelabur C yang tidak mahu mengelak risiko langsung. Jelaskan.

( 4 Markah)



Rajah 2

Angka Giliran: \_\_\_\_\_


[g] Kenapakah kebanyakan syarikat insurans tidak sanggup menawarkan polisi insurans yang meliputi rawatan pergigian?

( 4 Markah)

[h] Katakan sebuah restoran ayam goreng tempatan terletak dekat Kentucky Fried Chicken. Kebanyakan orang tempatan makan di restoran itu, sedangkan semua pelancong makan di Kentucky Fried Chicken. Jelaskan.

( 4 Markah)

[i] Titik E dalam rajah (3) menunjukkan keseimbangan pengguna dalam keputusan antara masa.



Rajah (3)  
445

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Andaikan pengguna itu menjadi semakin kurang sabar. Tunjukkan keluk puas sama barunya dalam rajah (3). Apakah kesannya ke atas tabungan pengguna itu?

( 5 Markah)

[j] Seorang penternak lembu telah membuat satu kontrak hadapan dengan pengusaha prosesan daging. Beliau akan bermula menternak lembunya pada Jun 1993. Untuk melindungi dirinya daripada turun-naik harga bijirin patutkah ia menjual satu kontrak dalam pasaran hadapan itu?

( 4 Markah)

[k] Apakah perbezaan di antara mengambil 'keadaan pendek' dan mengambil 'keadaan panjang' di dalam pasaran hadapan?

( 4 Markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- [l] Hak perikanan setiap negara ditetapkan 200 batu dari pantai negara. Terdapat setengah negara menetapkan jarak yang melebihi had itu. Adakah tindakan negara-negara itu menjejaskan penawaran protein dari ikan pada masa depan?

( 4 Markah)


- [m] Jelaskan andaian mengenai keuntungan, upah dan harga dalam model pertumbuhan dua sektor Uzawa?

( 4 Markah)

...8/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[n] Rajah 4 menunjukkan model pertukaran tulen di antara penjual tunggal dan pembeli berpersaingan sempurna dalam pasaran X



Rajah 4

[i] Di manakah letaknya titik pertukaran? Jelaskan.

...9/-



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- [ii] Katakan penjual kedua memasuki pasaran, dan ini membimbangkan penjual pertama kerana beliau takut akan kehilangan pelanggan. Adakah ia akan terus berada pada titik pertukaran seperti dalam jawapan [i]? Sekiranya tidak, tunjukkan titik pertukaran dan harga barunya.

( 5 Markah)

...10/-

Bahagian B ( 40 Markah)

Jawab DUA (2) soalan. Gunakan buku jawapan untuk bahagian ini.

2. [a] "Dalam sebuah ekonomi pertukaran tulen yang melibatkan pemonopoli dua hala, titik pertukarannya adalah optimun Pareto dan ia sama dengan titik pertukaran di bawah persaingan sempurna". Setujukah anda?  
( 10 Markah)
- [b] Katakan dalam model pertumbuhan dua-sektor Neo-klasik, pada awalnya, nisbah modal-buruh sedang bertambah, dan  $k/k > 0$ , bolehkah pertumbuhan mantap dan stabil tercapai semula?  
( 10 Markah)
3. [a] Kenapakah pada biasanya syarikat insurans tidak menawarkan polisi perubatan liputan penuh? Apakah cara yang boleh digunakan oleh syarikat insurans untuk mengurangkan masalah yang berkaitan dengan insurans liputan penuh?  
( 12 Markah)
- [b] Kebanyakan orang membeli jam tangan Rolex sebab pemilikannya membawa satu imej dan prestij yang tertentu. Semakin kurang orang lain memiliki jam tangan Rolex, semakin lebih tinggi keinginan seseorang untuk membelinya. Terbitkan keluk permintaan pasaran jam tangan Rolex.  
( 8 Markah)
4. [a] Dengan menggunakan contoh yang sesuai, jelaskan bagaimanakah masalah pilihan bertentangan boleh timbul dalam pasaran?  
( 10 Markah)
- [b] Katakan seorang individu mempunyai pendapatan  $Y_1$  dalam tempoh masa satu dan pendapatan dijangka  $Y_2$  dalam tempoh masa dua.
- [i] Andaikan ia seorang pemberi pinjam. Sekiranya kadar faedah jatuh, mungkinkah ia akan bertukar kedudukannya dari seorang pemberi pinjam kepada seorang peminjam?
- [iii] Sebaliknya jika ia adalah seorang peminjam pada asalnya, adakah kenaikan kadar faedah akan menyebabkan ia menjadi seorang pemberi pinjam?  
( 10 Markah)

5. [a] Andaikan Tasik Kenyir dibuka kepada orang ramai untuk menangkap ikan jelawat secara percuma. Fungsi permintaan, kos sosial marginal dan kos persendirian marginal diberikan seperti berikut:

$$\begin{array}{ll} \text{Permintaan} & : P = 48.5 - 0.5X \\ \text{Kos sosial marginal} & : P = - 55.5 + 7.5X \\ \text{Kos persendirian marginal} & : P = - 70.5 + 6.5X \end{array}$$

Adakah jumlah kuantiti ikan jelawat yang ditangkap merupakan paras yang paling efisien? Sekiranya tidak, hitungkan kos sosial akibat eksploitasi harta benda bersama itu. Cadangkan tiga cara untuk mengatasi masalah ketidakcekapan itu.

( 12 Markah)

- [b] Seorang pengusaha mempunyai sebuah kilang yang bernilai 25 juta ringgit. Beliau ingin membeli insurans kebakaran untuk melindungi kilangnya. Kebarangkalian berlakunya kebakaran besar dan kebakaran kecil ialah 3% dan 5% masing-masing. Kerugian akibat kebakaran besar dan kecil adalah 21 juta dan 9 juta ringgit masing-masing. Fungsi utiliti pengusaha itu ialah  $U = W^{0.5}$ . Syarikat insurans menawarkan satu polisi insurans dengan syarat "deductible" 1 juta ringgit. (1 juta ringgit pertama dari kerosakan akibat kebakaran ditanggung sendiri). Premium yang dikenakan adalah 1 juta ringgit. Haruskah ia menerima polisi itu?

( 8 Markah)